


Pelajar bersemangat mahu bukti kebolehan



YAKIN DIRI: Syakir menyasarkan pingat emas di Kejohanan Pencak Silat Belia Dunia nanti meskipun ia merupakan kali pertama beliau bertanding dalam kejohanan itu.

TIDAK sampai setahun mengorak nama dalam skuad silat negara, Muhammad Syakir Jeffry sudahpun menjadi antara pesilat muda harapan.

Tanggungjawab yang kini dipikulnya tidak akan menghambat semangat pemuda berusia 17 tahun untuk terus menunjukkan kebolehan sebenarnya.

Kejohanan Pencak Silat Terbuka Jakarta tahun lalu merupakan batu loncatan bagi Syakir.

Pingat emas yang dirangkul dalam Kelas I, menjadi bukti terhadap bakat besarnya.

Walau bagaimanapun, beliau enggan melihatnya sebagai satu pencapaian besar kerana menganggap perjalanannya masih jauh dan masih banyak yang perlu diperbaiki.

“Saya masih menyifati diri saya sebagai pesilat baru dan banyak lagi yang perlu dipelajari.

“Saya amat berbesar hati diberi peluang untuk bersama pasukan negara dan belajar daripada pesilat terbaik negara,” kata pelajar tahun pertama Institut Pendidikan Teknikal (ITE) Kolej West dalam jurusan Teknologi Mekanikal.

Minggu ini, Syakir yang mula berjainak-jinak dalam silat pada usia sembilan tahun, akan muncul buat julung kalinya dalam gelanggang Kejohanan Pencak Silat Belia Dunia di Songkhla, Thailand.

Ini juga merupakan kali terakhir beliau akan ditampilkan dalam kejohanan tersebut.

Perasaan gementar dan ghairah

menyelubungi hati beliau, namun beliau berpegang pada matlamatnya, iaitu untuk memenangi pingat emas.

“Selain ingin mendapatkan pengalaman bertanding dalam kejohanan antarabangsa, saya berharap dapat menyumbang kepada pingat yang dikumpul pasukan kami nanti,” tambah beliau.

Apabila ditanya mengenai bakat Syakir, Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persisi) Sheik Alau'ddin Yacoob Marican berkata:

“Saya ingin mengasah dan menggilap bakat Syakir dengan lebih mendalam lagi, sebab itu saya membawanya bertanding dan berlatih bersama pasukan dewasa.

“Dengan cara itu, saya berharap dapat menambah pengalaman dan keyakinan beliau kerana beliau mempunyai semangat tidak pernah menyerah kalah.”

Mengongsi harapan masa depan beliau, Syakir yang menjadikan Sheik Alau'ddin sebagai inspirasinya berkata:

“Saya berasa semangat apabila melihat pesilat senior lain mencatat kemenangan membanggakan untuk Singapura.

“Jika diberikan peluang, saya akan berlatih dengan lebih gigih dan mencapai kejayaan yang serupa seperti mereka.

“Saya juga berharap dapat membanggakan keluarga terutama kedua ibu bapa saya kerana merekalah yang selalu menyokong saya untuk terus berjaya dalam silat.”